



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	JPNP		



OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB



Sinar, 8 Jul

2021_6

SPRM, LHDN perlu siasat keseluruhan ekosistem isu penerokaan haram

SHAH ALAM - Pihak berkuasa terutamanya Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu melakukan siasatan secara menyeluruh berhubung isu penerokaan Hutan Simpan Kekal di Batu Talam, Raub oleh pekebun durian muzang king.

Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk Hussamuddin Yaacob berkata, LHDN perlu meniasat sama ada berlaku penipuan cukai dan seterusnya mengenakan penalti terhadap penceroboh.

Katanya, SPRM juga perlu meniasat sama ada wujud penglibatan pegawai dan pembesar yang

menerima sogokan serta rasuah dalam isu penerokaan tanah di Raub.

"Kes durian Batu Talam, semua penceroboh perlu ditangkap, disiasat, didakwa dan dihukum.

"LHDN perlu siasat sama ada penipuan cukai dan kenakan penalti.

"SPRM juga kena siasat secara menyeluruh semua pegawai atau pembesar yang membenarkan pencerobohan ini berleluasa sekian lama," tegasnya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan Karangkraf menyelar pihak yang te-



rima sogokan. Beliau turut mengajak rakyat untuk menolak ahli politik yang mem-bela penceroboh.

Hussamuddin berharap agar tiada sebarang rundingan di belakang tabir atas dasar pertimbangan mahupun agenda politik demi mem-banteras amalan rasuah itu.

"Kita tidak boleh lagi membiarkan penjajahan ini berterusan. Kita harus bersihkan Malaysia daripada Rasuah. Ini tanggungjawab kita," katanya.

Oleh itu, semua pihak perlu bersikap bertanggungjawab dan tidak mengeluarkan dakwaan palsu atau memanipulasi mana-mana pihak dalam isu berkenaan.



HUSSAMUDDIN

